

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

TAKAFULINK
DANA SIMPANAN
PROFIL DANA **2015**

TAKAFUL & KAMI

Takaful merupakan konsep saling membantu yang berdasarkan pada prinsip-prinsip tanggungjawab bersama, kerjasama dan manfaat umum. Setiap peserta yang dilindungi menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma) ke dalam sebuah dana yang akan digunakan untuk membantu satu sama lain pada masa ia diperlukan.

Prinsip Takaful ialah untuk mendukung prinsip 'persaudaraan'. Berpegang teguh pada etika dan ketelusan prinsip Syariah yang melarang ketidakpastian (Gharar), perjudian (Maisir) dan faedah (Riba).

Di Prudential BSN Takaful (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional yang dapat menyediakan segala yang diperlukan oleh peserta-peserta kami. Nilai-nilai ini jelas dalam setiap transaksi kami. Nilai-nilai inilah yang menjadikan kami pilihan berhemat.

Dana kami* hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, di dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi anda dalam segala aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan hingga keperluan kerohanian anda, setiap produk kami direka bentuk bagi memberikan ketenangan minda untuk anda.

**Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan yang mematuhi Syariah.*

TAKAFULINK DANA SIMPANAN

Ciri-ciri Dana

Objektif Pelaburan	Dana bertujuan untuk memberi aliran pendapatan yang stabil melalui pelaburan di dalam instrumen deposit/pasaran wang patuh Syariah.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Dana ini sesuai terutamanya kepada pelabur yang berminat terhadap pulangan pelaburan yang lebih stabil berbanding dengan pulangan yang diberikan oleh dana pertumbuhan. Ia juga sesuai bagi mereka yang konservatif dan mempunyai keperluan untuk mendapat pendapatan yang stabil.</p> <p>Dana bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur di dalam deposit dan instrumen pasaran wang Islam. Dana akan melaburkan 100% NAV di dalam instrument yang dibenarkan dan patuh Syariah. Strategi pelaburan yang pasif digunakan untuk Dana ini.</p>
Peruntukan Aset	Dana ini akan melaburkan 100% dalam deposit dan instrumen pasaran wang patuh Syariah.
Tanda Aras Prestasi	Tidak Berkenaan.
Pengurus Dana	Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) (740651-H)
Caj Pengurusan Aset Wakalah	Tidak Berkenaan.

TAKAFULINK DANA SIMPANAN

Prestasi Dana

Tidak ada prestasi dana bagi Takafulink Dana Simpanan kerana harga unit ditetapkan pada RM1 sepanjang tempoh Dana.

Penentuan Harga Unit

- Harga unit ditetapkan pada RM1 sepanjang tempoh Dana ini.
- Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset yang berkaitan bagi Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.
- Semua keuntungan pelaburan dari Dana ini dimasukkan ke dalam Takafulink Dana Ekuiti di Akaun Unit Pelaburan peserta individu.
- Keuntungan pelaburan diisytiharkan berdasarkan kepada tempoh terkunci 12 bulan dari tarikh peruntukkan sumbangan dilaburkan di dalam Dana.
- Tiada keuntungan pelaburan yang akan diisytiharkan bagi mana-mana sumbangan yang telah ditarik balik sebelum matang kitaran 12 bulan.

Penentuan Harga Hadapan

Tiada penentuan harga hadapan bagi Takafulink Dana Simpanan.

Faktor Risiko

Sila rujuk kepada butiran Faktor Risiko yang disenaraikan di bawah mengikut aturan kepentingannya:

- **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin timbul daripada perubahan dalam harga pasaran pelaburan. Harga sekuriti patuh Syariah yang dilabur oleh dana, berubah sebagai tindak balas kepada pelbagai faktor. Sebagai contoh, peristiwa atau berita yang berkaitan dengan sekuriti patuh Syariah serta pasaran umum dan/atau keadaan ekonomi.

- **Risiko Inflasi**

Inflasi menyebabkan kekurangan kuasa pembelian dan jika kadar inflasi sentiasa lebih tinggi daripada kadar pulangan pada pelaburan, nilai akhir sebenar pelaburan mungkin adalah negatif. Oleh itu, para pelabur harus mempertimbangkan potensi kadar pulangan sebenar sebelum membuat pelaburan.

TAKAFULINK DANA SIMPANAN

Faktor Risiko

- **Risiko Pihak Bertentangan**

Dana akan didedahkan kepada risiko kredit pihak bertentangan di mana ia berdagang seperti kemungkinan insolvensi, kebangkrapan atau keingkaran oleh pihak bertentangan di mana Dana berdagang, yang mungkin mengakibatkan kerugian kepada Dana. Pelaburan dalam instrumen yang dikeluarkan oleh pihak bertentangan dengan penarafan kredit minimum A3 dan P3 atau penarafan setara oleh agensi penarafan kredit yang diiktiraf di Malaysia atau mana-mana penarafan antarabangsa yang diiktiraf membantu mengurangkan risiko ini.

- **Risiko Ketidakpatuhan**

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan undang-undang, peraturan, amalan, resolusi Majlis Penasihat Syariah/Jawatankuasa Syariah yang berkaitan dan dasar dalaman yang ditetapkan oleh Pengurus Dana serta prosedur sama ada disebabkan oleh kesilapan atau kelalaian. Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana telah mewujudkan kawalan dalaman bagi memastikan pematuhan berterusan dengan undang-undang, peraturan, amalan, resolusi Syariah dan polisi dalaman yang ditetapkan oleh Pengurus Dana dan prosedur.

Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang digunakan oleh Pengurus Dana termasuk yang berikut:-

- memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- memantau prestasi Dana;
- menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit dan pematuhan, jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah.

TAKAFULINK DANA SIMPANAN

Maklumat Lain

Pasaran Sasaran	Untuk peserta yang mempunyai toleransi risiko rendah, jangka masa pelaburan yang sederhana hingga panjang dan mencari perlindungan modal berserta pulangan yang stabil.
Dasar & Kekerapan Penilaian unit	Tidak Berkenaan.
Keadaan dikecualikan	<ul style="list-style-type: none">• PruBSN berhak, di bawah keadaan dikecualikan (contohnya, apabila terdapat jumlah pelaburan tinggi yang luar biasa dalam tempoh yang singkat) untuk menangguhkan pengeluaran unit dan penyerahan sijil bagi tempoh tidak melebihi enam (6) bulan daripada tarikh permohonan.• PruBSN akan menggantung penetapan harga unit dan transaksi sijil jika mana-mana platform/institusi di mana Dana dilaburkan tidak berniaga/digantung buat sementara waktu untuk didagangkan. Dalam keadaan sedemikian, notis bertulis akan diberi kepada peserta-peserta.

Catatan:

NAV - Nilai Aset Bersih (*Net Asset Value*)

Penafian:

Profil dana ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan sebarang gabungannya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

TAKAFUL
UNTUK SEMUA. UNTUK KEHIDUPAN

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad (740651-H)

Tingkat 8A, Menara Prudential, No. 10, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Tel: 03 2053 7188 Faks: 03 2072 6188

E-mel: customer@prubsn.com.my SMS PruBSN dan hantar ke 33080

www.prubsn.com.my

AHLI



*Semua maklumat adalah betul semasa percetakan.
Dicetak pada 8 April 2016*